

berbuka puasa dan Anugerah Sri Cemerlang Kelab Perkim Universiti di Dewan Merak Kayangan, Jalan Gurney, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kemenangan itu sekaligus melayakkan kelab ini menerima piala dan replika cek berjumlah RM2,000 daripada Yang Dipertua Perkim, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Mohd. Jelani Mohd. Noor, Yang Dipertua Perkim UUM menerima hadiah dan replika bagi mewakili Perkim UUM.

Exco Publisiti dan Penerbitan Perkim UUM, Deddy Dixon berkata, kejayaan UUM adalah kerana pembabitan mereka dalam kerja-kerja dakwah dan kebajikan yang merangkumi aktiviti perpaduan, kedamaian dan kesefahaman yang diadakan di beberapa buah negeri dan kelompok masyarakat.

"Sesungguhnya penganugerahan ini bukanlah matlamat utama kami tetapi berkat kemuafakatan dan kesungguhan dalam menjalankan ibadah ini memberi kelebihan kepada kelab ini untuk meraih anugerah yang disampaikan oleh mantan Perdana Menteri selaku Yang Dipertua Perkim," ujarnya.

Lebih 500 ahli Perkim daripada univeriti tempatan telah menghadirinya dan beberapa hadiah lain juga turut disampaikan di majlis itu.

Antaranya ialah Kelab Terbaik Keseluruhan yang dimenangi oleh Kelab Perkim Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Cawangan Petaling Jaya, Projek Terbaik Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Kategori Kelab Perkim Harapan pula ialah Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI).

Habis.